

| M/S   | TAJUK BERITA                                                                     | TARIKH           | SUMBER        |
|-------|----------------------------------------------------------------------------------|------------------|---------------|
| 3-6   | KOMITED JADIKAN TVET PENDIDIKAN ARUS PERDANA                                     | 1 NOVEMBER 2024  | METRO         |
| 7-10  | PENUBUHAN PASUKAN PAKAR TVET OLEH MCI, MAMPU JADI PLATFORM TEROKA PELUANG BAHARU | 2 NOVEMBER 2024  | BERITA HARIAN |
| 11-13 | POLITEKNIK PORT DICKSON DIIKTIRAF INSTITUSI TVET TERBAIK DI ASIA PASIFIK         | 8 NOVEMBER 2024  | BERITA HARIAN |
| 14-17 | INDUSTRI PERLU LEBIH AKTIF PERKASA TVET                                          | 13 NOVEMBER 2024 | BERITA HARIAN |
| 18-20 | TVET KUNCI KELUAR DARI KEMISKINAN                                                | 19 NOVEMBER 2024 | BERNAMA       |
| 21-24 | KUALITI GRADUAN TVET JADI PERSOALAN                                              | 19 NOVEMBER 2024 | SINAR HARIAN  |
| 25-28 | KEJAYAAN PPPM: KADAR KECICIRAN MENURUN, ENROLMEN TVET MENINGKAT                  | 21 NOVEMBER 2024 | BERNAMA       |
| 29-31 | VIETNAM BERMINAT PELAJARI PROGRAM TVET DARI MALAYSIA                             | 22 NOVEMBER 2024 | BERNAMA       |

| M/S   | TAJUK BERITA                                                                             | TARIKH           | SUMBER  |
|-------|------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|---------|
| 32-34 | 2TM: 'SIMULATOR KIMPALAN' JADI TUMPUAN, BELIA TEROKA KERJAYA DALAM TVET                  | 24 NOVEMBER 2024 | BERNAMA |
| 35-38 | KERJASAMA PENDIDIKAN MALAYSIA-KOREA SELATAN, TUMPU BIDANG TVET                           | 25 NOVEMBER 2024 | METRO   |
| 39-40 | MOTAC PERLUAS ASPIRASI GENERASI PENDIDIKAN TVET, PASTIKAN TENAGA KERJA TEMPATAN DIPENUHI | 25 NOVEMBER 2024 | BERNAMA |

# METRO

1 NOVEMBER 2024

MY METRO | KOMITED JADIKAN TVET PENDIDIKAN ARUS PERDANA

## Komited jadikan TVET pendidikan arus perdana

Nur Izzati Mohamad  
am@hmetro.com.my



PELAJAR SMK Saujana Indah, Nibong Tebal melakukan aktiviti bersama kakitangan VITrox Technologies Sdn Bhd sempena Forum Jaringan Industri Ke Arah Kemampunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Kementerian Pendidikan Malaysia di Kolej Vitrox Pulau Pinang, Bandar Cassia. FOTO DANIAL SAAD

Batu Kawan: Kementerian Pendidikan (KPM) komited menjadikan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai pendidikan arus perdana dengan usaha memperluaskan kerjasama rakan sinergi bersama pihak industri seluruh negara.

Menterinya Fadhlina Sidek, berkata pihaknya memahami dalam era teknologi semakin berkembang pesat sudah pasti kepakaran tertentu diperlukan industri pada masa kini.

Sehubungan itu, katanya, KPM perlu mempersiapkan guru yang mengajar pelajar yang mengikuti bidang TVET supaya kemahiran dipelajari mereka bersesuaian dengan keperluan industri dari semasa ke semasa.

"Oleh itu, kita kini dalam usaha bekerjasama dengan rakan sinergi untuk memperkasakan TVET.

"Jadi barangkali ada yang sesuai, ada yang tidak sesuai di peringkat KPM yang itu yang harus kita ambil perhatian dan sebab itu perluasan rakan sinergi ini (penting) untuk kita laksanakan supaya memberikan pengalaman upskilling, reskilling kepada guru-guru kita.

"Ini termasuk tentang keperluan guru kita untuk menguasai ilmu kemahiran di peringkat industri supaya mereka seiring dan dapat menyampaikan pengajaran itu dengan lebih baik dalam membuat persiapan serta persediaan untuk anak-anak murid kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas selesai Forum Jaringan Industri Ke Arah Kemampanan TVET KPM di Kolej Vitrox, di sini, pada Isnin.

Program itu dianjurkan bersama Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) Dan Malaysia Semiconductor industry Association (MSIA).

Terdahulu, Fadhlina yang juga Ahli Parlimen Nibong Tebal mengendalikan forum berkenaan selama satu jam bagi membincangkan potensi pelajar TVET di bawah KPM melalui jaringan dan kerjasama dengan pihak industri.

Antara panel yang dijemput dalam perbincangan berkenaan terdiri daripada Presiden ViTrox Technologies Sdn Bhd Datuk Chu Jenn Weng, Ahli Lembaga Kehormat MSIA Datuk P'ng Soo Hong dan Pengerusi Technology Depository Agency (TDA) Sim Tze Tsin.

Forum yang memberi manfaat jangka panjang kepada kedua-dua pihak itu julung-julung kali diadakan di Pulau Pinang dan akan diadakan di setiap negeri.

Ia berfokus merangkumi lima kluster penting yang membentuk pembangunan TVET antaranya dari segi kualiti program, kolaborasi strategik, penjenamaan, pembiayaan dan tadbir urus institusi.

Selain forum, sesi menandatangani dan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara BPLTV KPM bersama sembilan rakan strategik turut diadakan serentak.

Dalam pada itu, Fadhlina berkata, KPM komited untuk memastikan pendidikan TVET terus berkembang dan relevan, sekaligus mempersiapkan pelajar untuk menahuti cabaran dunia industri.

"Justeru, kita sentiasa mengalu-alukan pelibatan aktif dari semua peneraju industri untuk penganjuran bersama siri dialog TVET antara KPM dan industri sebagai strategi bersepadu dan merangka masa depan pendidikan TVET yang progresif dan mampan," katanya.

**Disiarkan pada: November 1, 2024 @ 7:01am**

# BERITA HARIAN

2 NOVEMBER 2024

BH ONLINE | PENUBUHAN PASUKAN PAKAR TVET OLEH MCI, MAMPU JADI PLATFORM TEROKA PELUANG BAHARU

## Penubuhan pasukan pakar TVET oleh MCI, mampu jadi platform teroka peluang baharu



Oleh Suzalina Halid - November 2, 2024 @ 11:07am  
suzalina@bh.com.my



Ketua Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (BELIA MAHIR), Mohammad Rizan Hassan. - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Penubuhan pasukan pakar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) oleh Malaysia-China Institute (MCI) mampu menjadi platform untuk meneroka laluan baharu bagi kerjasama antarabangsa dalam TVET.

Ketua Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (BELIA MAHIR), Mohammad Rizan Hassan, berkata penubuhan pasukan yang digerakkan bersama pertubuhan terbabit dan Tang International Education China (TANG) berupaya mengukuhkan ekosistem bidang itu di negara ini.

"Dengan memanfaatkan kekuatan dan kepakaran dua negara, Malaysia dan China boleh bekerjasama untuk menangani cabaran bersama, meneroka peluang baharu dan meningkatkan kualiti dan keberkesanan keseluruhan program TVET.

"Pendekatan kolaboratif ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar dan pendidik tetapi juga menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja mahir dan berdaya saing yang serba lengkap untuk memenuhi permintaan ekonomi global yang berkembang pesat," katanya melalui satu kenyataan hari ini.

Penubuhan pasukan itu bertujuan memanfaatkan kepakaran dan pengalaman profesional kedua-dua negara untuk meningkatkan TVET di Malaysia ke tahap lebih tinggi

Ia diumumkan Pengerusi Lembaga Penasihat MCI, Manndzri Nasib ketika dijemput menyampaikan ucap-tamanya di Persidangan Pendidikan Antarabangsa China 2024.

Persidangan itu adalah acara tahunan berprestij dalam komuniti pendidikan antarabangsa khususnya TVET.

Pada masa sama, Mohammad Rizan berkata, kerjasama antara Malaysia dan China dalam bidang TVET mempunyai potensi besar untuk pembelajaran dan pertumbuhan bersama.

Mohammad Rizan berkata China, dengan sistem TVET yang mantap dan amalan industri maju, boleh mena-warkan pandangan dan amalan terbaik yang berharga untuk meningkatkan kualiti dan kaitan program TVET di Malaysia.

"Dengan memanfaatkan kepakaran pakar China, Malaysia boleh mendapat manfaat daripada metodologi pengajaran yang inovatif, pembangunan kurikulum yang berkaitan dengan industri, dan teknologi termaju

Mohammad Rizan berkata, salah satu objektif utama penubuhan pasukan ini adalah untuk memudahkan pertukaran pengetahuan dan pembinaan kapasiti dalam TVET antara kedua-dua negara.

Katanya, melalui bengkel kerjasama, program latihan dan projek penyelidikan bersama, pakar Malaysia serta China boleh berkongsi kepakaran mereka dan belajar daripada pengalaman masing-masing untuk memacu peningkatan serta inovasi berterusan dalam sektor TVET.

"Pertukaran ilmu dan amalan terbaik ini adalah penting untuk memupuk budaya kecemerlangan dan pembelajaran

berterusan di institusi TVET di seluruh Malaysia.

"Tambahan pula, pasukan ini akan memainkan peranan penting di bawah payung MCI dalam menggalakkan persefahaman dan kerjasama silang budaya dalam TVET.

"Dengan menghimpunkan pakar dari pelbagai latar belakang dan pengalaman, pasukan itu boleh membantu memupuk kerjasama dan sinergi yang lebih erat antara profesional TVET Malaysia dan China," katanya.

Mohammad Rizan berkata pertukaran silang budaya ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman pembelajaran untuk kedua-dua pihak tetapi juga mewujudkan peluang untuk perkongsian dan kerjasama jangka panjang dalam pelbagai bidang pembangunan TVET.

# BERITA HARIAN

8 NOVEMBER 2024

BH ONLINE | POLITEKNIK PORT DICKSON DIKTIRAF INSTITUSI TVET TERBAIK DI ASIA PASIFIK

## Politeknik Port Dickson diiktiraf institusi TVET terbaik di Asia Pasifik

Oleh Mohd Khidir Zakaria - November 8, 2024 @ 3:22pm



Hasan (kiri) dan Hiroshi (kanan) selepas menandatangani perjanjian persefahaman bagi pihak HINO di Politeknik Port Dickson. - Foto NSTP/MOHD KHIDIR ZAKARIA

PORT DICKSON: Politeknik Port Dickson melakar sejarah apabila diiktiraf sebagai institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terbaik di Asia Pasifik menerusi pengiktirafan Platinum oleh Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC) di sini, semalam.

Pengarah Politeknik Port Dickson, Hasan Mohd Sharif, berkata politeknik itu juga sudah menandatangani Letter of Intent dengan HINO (Malaysia).

"Ia sebagai bukti komitmen untuk memantapkan kemahiran pelajar dan pensyarah serta meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan jaminan gaji progresif, sekali gus melakar satu lagi pencapaian penting melalui Majlis Penyerahan Peralatan Latihan dan Perasmian HINO CORNER.

"Inisiatif ini adalah langkah strategik dalam memperkukuh agenda TVET Madani yang menekankan pembangunan graduan berkemahiran tinggi dan profesionalisme dengan imbuhan gaji progresif.

"Ia meliputi pelbagai inisiatif seperti latihan kemahiran, program apprantis, penyelidikan bersama dan sangkutan industri untuk pelajar.

"Sebagai simbolik kepada kerjasama ini, HINO (Malaysia) menyerahkan dua unit enjin diesel, satu unit differential axle dan satu unit gearbox bernilai lebih RM100,000 kepada Politeknik Port Dickson," katanya perjanjian itu ditandatangani bersama Hiroshi Takahashi bagi pihak HINO.

Hasan berkata, peralatan terbabit ditempatkan di HINO CORNER, Bengkel Automotif Politeknik Port Dickson yang akan menjadi pusat latihan utama untuk memperkasakan pembelajaran pelajar dalam Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif.

"Melalui sumbangan ini, pelajar berpeluang mengakses teknologi terkini dalam industri, memperkukuh kemahiran dan memastikan kebolehpasaran yang tinggi dengan potensi gaji progresif selaras aspirasi TVET Madani untuk meningkatkan taraf hidup graduan.

"HINO (Malaysia) turut menawarkan program latihan industri melalui Hino Technical Internship Program (HTIP) yang bermula sejak tahun lalu (2023)," katanya.

# BERITA HARIAN

13 NOVEMBER 2024

BH ONLINE | INDUSTRI PERLU LEBIH AKTIF PERKASA TVET

## Industri perlu lebih aktif perkasa TVET - Fadillah

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - November 13, 2024 @ 4:42pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Datuk Seri Fadillah Yusof menyeru pihak industri supaya terbabit lebih aktif dan bekerjasama dengan kerajaan dalam memperkasakan agenda Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerjasama pihak industri dan institusi TVET yang kukuh amat signifikan dalam memastikan padanan antara penawaran dan permintaan dibuat secara komprehensif.

"Input daripada pihak industri yang konsisten mencakupi aspek kuantiti dan kualiti tenaga kerja yang diperlukan adalah amat penting serta kritikal.

"Ketepatan input ini kemudiannya disusuli dengan pembangunan kurikulum dan pelaksanaan program yang bersesuaian oleh institusi TVET," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) dan Anugerah Tokoh Mahir 2024 di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim.

Fadillah berkata, kerjasama lebih aktif antara pihak industri dan kerajaan berupaya memastikan institusi TVET menawarkan program lebih berkualiti dan relevan dengan keperluan pasaran.

Katanya, jalinan kerjasama erat bersama pihak industri dapat mewujudkan tenaga kerja pakar baharu untuk menguasai kesan limpahan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Dalam pada itu, Fadillah meminta agensi TVET supaya menganjurkan lebih banyak pertandingan kemahiran di peringkat institusi masing-masing.

Jelasnya, usaha itu penting supaya dapat melahirkan lebih ramai bakat yang mewakili negara ke peringkat antarabangsa.

"Pertandingan kemahiran adalah aktiviti penting yang menyokong pemerkasaan TVET dalam usaha mempromosi aliran TVET dan memastikan kualiti penyampaian latihan yang selari dengan standard di peringkat antarabangsa.

"Pertandingan kemahiran adalah satu usaha kerajaan bagi meningkatkan kualiti ekosistem TVET negara secara menyeluruh berdasarkan standard pekerjaan industri antarabangsa iaitu 'WorldSkills Occupational Standard' (WSOS)," katanya.

Beliau berkata, pembabitan serta penyertaan dalam pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan dan antarabangsa memberi manfaat yang besar kepada pelajar, tenaga pengajar, institusi TVET dan industri negara secara keseluruhan.

Pada majlis itu, Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri dimenangi oleh Misto Mikin bagi kategori pelajar.

Kategori pengajar, dimenangi oleh Muhammad Muhyiddin Mohamad Ibrahim.


# BERNAMA

19 NOVEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | TVET KUNCI KELUAR DARI KEMISKINAN

## TVET Kunci Keluar Dari Kemiskinan

🕒 19/11/2024 06:25 PM



Gambar fail

PUTRAJAYA, 19 Nov (Bernama) -- Seorang pakar pendidikan menggesa supaya usaha menyeluruh diadakan untuk merombak imej Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan menekankan peranan pentingnya sebagai jalan keluar daripada kemiskinan.

Ketua Pegawai Jenama Kumpulan Universiti Limkokwing Datuk Tiffanee Marie Lim berkata pendidikan secara umumnya adalah satu-satunya penyelesaian yang mampan untuk memecahkan kitaran kemiskinan dan ketidaksamaan.

"TVET adalah asas bagi menyediakan belia untuk pasaran pekerjaan, tetapi kami masih menghadapi cabaran mengatasi persepsi lapuk," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan sempena Sidang Kemuncak Tadbir Urus Pelajar Komanwel (CSGS) 2024 yang diadakan di Cyberjaya baru-baru ini.

Beliau juga menekankan jurang kekayaan yang ketara dalam 56 negara Komanwel, menggesa organisasi itu untuk mengambil peranan lebih proaktif bagi menangani ketidaksamaan yang semakin meningkat ini.

"Dalam 56 negara Komanwel, kita melihat julat yang luar biasa - daripada yang terkaya dalam kalangan yang kaya ke negara yang masih di peringkat awal, bergelut untuk memantapkan diri.

"Mendiang ayah saya pernah berkata, 'Tiada kekayaan bersama dalam Komanwel,' dan itu masih benar. Jurang kekayaan dalam kumpulan negara ini amat besar, dan negara-negara Komanwel harus lebih agresif dalam menanganinya," tambah beliau.

Sementara itu, Pengarah Pembinaan YTL dan Pengerusi Women in Rail Malaysia Natasha Zulkifli menyeru agar lebih banyak usaha dijalankan untuk menyokong TVET di Malaysia sambil menekankan bahawa negara ini tidak melakukan secukupnya untuk memanfaatkan potensi pendidikan vokasional.

Beliau menambah bahawa mewujudkan kurikulum TVET yang mantap memerlukan bukan sahaja dedikasi tetapi juga kerjasama dengan sektor perusahaan bagi menangani keperluan industri untuk 20 tahun akan datang.

“Rancangan Malaysia ke-12 kerajaan mempunyai strategi pembangunan jangka panjang, tetapi ia mesti menggabungkan keperluan vokasional untuk memastikan keberkesanannya,” katanya.

Sidang Kemuncak Tadbir Urus Pelajar Komanwel 2024 dihoskan oleh Universiti Limkokwing dari 15 hingga 17 Nov sempena Hari Pelajar Antarabangsa itu menghimpunkan pemimpin belia, pendidik dan penggubal dasar global.

Acara ini meletakkan Malaysia sebagai hab perbincangan mengenai peranan TVET dalam melengkapkan pelajar dengan kemahiran praktikal dan sedia kerja untuk pasaran buruh yang berubah-ubah.

-- BERNAMA

# SINAR HARIAN

19 NOVEMBER 2024

SINAR HARIAN | KUALITI GRADUAN TVET JADI PERSOALAN

## Kualiti graduan TVET jadi persoalan



WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR [Follow](#)

19 November 2024 07:00am

Masa membaca: 2 minit



Graduan TVET perlu memiliki kemahiran teknologi tinggi, namun pelajar tidak didedahkan sepenuhnya kepada kemahiran digitalisasi dan AI. Gambar hiasan

SHAH ALAM - Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia memerlukan peningkatan dari segi kualiti bagi memenuhi keperluan industri yang semakin berkembang pesat terutamanya dalam teknologi revolusi industri (IR) 4.0 dan 5.0.

Pakar TVET dari Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr Mohamad Sattar Rasul berkata, meskipun institusi TVET dilihat telah mencukupi dari segi kuantiti di negara ini, namun kualiti pelajar yang menamatkan pengajian di institusi tersebut masih menjadi persoalan besar.

Menurutnya, graduan TVET perlu memiliki kemahiran teknologi yang tinggi, namun kajian menunjukkan bahawa pelajar TVET tidak didedahkan sepenuhnya kepada kemahiran digitalisasi dan kecerdasan buatan (AI).

“Industri telah memasuki era IR 4.0 dan 5.0 yang memerlukan teknologi tinggi seperti AI dan percetakan 3D. Namun, institusi TVET kita belum selari dengan perubahan teknologi ini.

“Banyak institusi TVET masih melaksanakan program secara konvensional, mungkin disebabkan masalah infrastruktur atau kekurangan kepakaran,” katanya kepada Sinar Harian.

Beliau mengulas satu daripada Resolusi Meja Bulat iaitu meningkatkan kuantiti dan kualiti pengeluaran TVET kerana pada masa ini ia dilihat masih tidak mencukupi.

Mohamad Sattar mencadangkan agar institusi TVET di Malaysia mencontohi model yang dilaksanakan di negara luar seperti China dan Korea Selatan, yang mana terdapat kerjasama erat antara institusi dan industri.

Mohamad Sattar turut menekankan bahawa tenaga pengajar TVET perlu berpengalaman dalam industri dan terdedah kepada teknologi tinggi.

Menurutnya, kerajaan perlu mengambil langkah meningkatkan kualiti sistem pendidikan TVET dengan memastikan kerjasama erat antara institusi dan industri serta memastikan tenaga pengajar berkemahiran tinggi.

“Di Malaysia, tenaga pengajar TVET masih direkrut daripada lulusan universiti yang baru tamat pengajian, sedangkan di United Kingdom dan beberapa negara lain, tenaga pengajar mesti mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima tahun,” katanya.

Tambah beliau, infrastruktur institusi TVET di Malaysia masih tidak selari dengan keperluan teknologi semasa.

“Banyak fasiliti dan mesin yang digunakan sudah lama dan rosak, serta tidak mencukupi untuk pembelajaran praktikal. Hal ini menyebabkan kemahiran pelajar tidak dapat dibina dengan baik,” ujarinya.

# BERNAMA

21 NOVEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | KEJAYAAN PPPM: KADAR KECICIRAN MENURUN, ENROLMEN TVET MENINGKAT

## Kejayaan PPPM: Kadar Keciciran Menurun, Enrolmen TVET Meningkat

🕒 21/11/2024 11:33 AM



Ketua Pengarah Pendidikan Azman Adnan menunjukan buku Laporan Tahunan 2023 Kementerian Pendidikan pada satu wawancara khas baru-baru ini yang turut menyentuh mengenai signifikan dan kejayaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) serta reformasi pendidikan yang sedang dilaksanakan ketika ini.

PUTRAJAYA, 21 Nov (Bernama) -- Kadar keciciran murid sekolah menengah yang menurun secara konsisten dan peningkatan peratus enrolmen Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sejak 2019 adalah antara hasil kejayaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) setakat ini, yang bertujuan meningkatkan akses, kualiti dan kecekapan pendidikan di Malaysia.

Ketua Pengarah Pendidikan Azman Adnan berkata pada 2019, data keciciran murid sekolah menengah mencatatkan sebanyak 1.14 peratus dan menurun kepada 1.13 peratus pada 2020, 2021 (1.11 peratus), 2022 (0.99 peratus) dan 0.83 peratus pada 2023.

"Kementerian Pendidikan (KPM) komited dalam menangani isu keciciran pelajar dengan melaksanakan pelbagai intervensi bagi memastikan mereka kembali ke sekolah. Pada tahun 2023, Program Outreach Murid Cicir berjaya mengembalikan seramai 1,269 murid sekolah rendah dan 2,006 pelajar sekolah menengah ke sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu wawancara khas baru-baru ini yang turut menyentuh mengenai signifikan dan kejayaan PPPM serta reformasi pendidikan yang sedang dilaksanakan ketika ini.

Berdasarkan statistik KPM, katanya kadar penyertaan murid sekolah rendah pada tahun 2023 adalah 99.11 peratus dan ia menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 0.89 peratus kanak-kanak yang masih belum mendapatkan akses pendidikan di peringkat sekolah rendah.

Menurut Azman, KPM juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menarik minat murid menceburi program kemahiran yang ditawarkan di Kolej Vokasional (KV), Sekolah Menengah Teknik (SMT), dan aliran kemahiran di sekolah menengah harian. Hasilnya, kadar kebolehpasaran pelajar program TVET di KV mencapai 99.38 peratus pada 2022.

Inisiatif tersebut termasuk jerayawara KV dan SMT sepanjang Karnival MADANI berlangsung, program peluasan Sistem Latihan Dual Nasional, serta kerjasama dengan pemain industri seperti Persatuan Teknologi Kebangsaan Malaysia (Pikom), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM), dan Persatuan Pereka Fesyen Malaysia (MODA).

“Saya telah mempengerusikan mesyuarat dengan 10 persatuan industri, dan mereka komited untuk bekerjasama dengan KPM, khususnya dalam bidang TVET dan pasca latihan TVET.

“Dengan gabungan persatuan ini, diharapkan kualiti latihan dapat ditingkatkan, sekali gus membuka peluang kepada anak-anak kita untuk memasuki industri (alam pekerjaan) setelah tamat latihan di KV,” katanya.

Katanya, struktur Kurikulum Standard Kolej Vokasional terbahagi kepada 70 peratus amali dan 30 peratus teori, yang menunjukkan keutamaan diberikan kepada aspek kemahiran praktikal (hands-on).

Menurut Laporan Tahunan PPPM 2023, enrolmen aliran TVET meningkat dari 4.60 peratus pada 2019 kepada 6.11 peratus pada 2020, diikuti 6.30 peratus (2021), 6.66 peratus (2022) dan 10.51 peratus pada 2023.

Untuk kekal terkini dengan trend industri, KPM turut merancang untuk menawarkan program baharu dan berimpak tinggi dalam bidang seperti kecerdasan buatan, teknologi automotif kenderaan elektrik, dan teknologi hidrogen.

Mengenai akses kepada pendidikan peringkat prasekolah, Azman berkata antara usaha awal yang dilaksanakan adalah melalui peluasan kelas prasekolah, dan sehingga Ogos 2024, terdapat 134 kelas prasekolah di seluruh negara.

Katanya, usaha peluasan pendidikan prasekolah di institusi selain sekolah rendah melibatkan lima kelas di sekolah menengah, enam di Kolej Vokasional (KV), dan 25 kelas prasekolah di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

"Ini terutama untuk membantu membimbing anak-anak kecil daripada golongan B40 agar mereka dapat mengikuti pendidikan asas sebelum memasuki peringkat rendah dan seterusnya," katanya.

Ditanya mengenai perkembangan pelan pemulihan untuk membimbing murid yang tercicir dalam sistem pendidikan nasional yang dirangka KPM sebelum ini, Azman berkata KPM akan terus meneliti peluang untuk meluaskan pembangunan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9).

K9 merupakan sekolah yang menawarkan pendidikan dari Tahun Satu hingga Tingkatan Tiga. Matlamat kewujudan K9 adalah untuk menangani isu keciciran di kawasan pedalaman, terutamanya bagi murid yang menghadapi kesukaran untuk meneruskan pendidikan ke peringkat menengah atas akibat faktor lokasi sekolah menengah yang jauh, bentuk muka bumi yang mencabar, dan keadaan sosioekonomi keluarga.

"KPM sedang memperluaskan konsep K9 kepada Sekolah Model Khas K11, yang lebih menyeluruh dari peringkat rendah hingga menengah selama 11 tahun, iaitu dari Tahun Satu hingga Tingkatan Lima.

"Selain itu, konsep Sekolah Model Khas K11 ini juga dijangka mampu mengurangkan kadar keciciran transisi murid dari Tingkatan Tiga ke Tingkatan Empat atau transisi peringkat pengajian menengah rendah ke menengah atas," katanya.

Azman berkata buat masa ini terdapat 28 sekolah K9 dan dua sekolah K11. Sebagai permulaan, KPM telah memulakan program rintis K11 di Sekolah Kebangsaan (SK) RPS Betau, Kuala Lipis, Pahang, yang kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan RPS Betau, khas untuk murid Orang Asli di kawasan tersebut, serta di SK Long Bedian, Baram, Sarawak.

-- BERNAMA

# BERNAMA

22 NOVEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | VIETNAM BERMINAT PELAJARI PROGRAM TVET DARI MALAYSIA

## Vietnam Berminat Pelajari Program TVET Dari Malaysia – Ahmad Zahid

🕒 22/11/2024 07:55 PM



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Vietnam, To Lam.

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Vietnam menyatakan minat untuk mempelajari Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dari Malaysia untuk pelajar mereka, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata hasrat itu dinyatakan negara berkenaan ketika pertemuannya bersama Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Vietnam To Lam di sebuah hotel, di sini hari ini.

"Dalam hal ehwal pendidikan tinggi dan TVET, mereka (Vietnam) menyedari bahawa kita (Malaysia) telah berada di satu tahap dan mereka ingin mempelajarinya.

"Kita turut berbincang mengenai pertukaran pelajar (di institusi pengajian tinggi) kerana mereka (Vietnam) telah menghantar seramai 346 pelajar ke Malaysia, namun setakat ini, kita (Malaysia) tidak menghantar pelajar ke negara itu untuk belajar," katanya kepada pemberita selepas pertemuan berkenaan.

Ahmad Zahid berkata walaupun pertemuan hari ini disertai pemimpin-pemimpin parti namun ia tidak menjurus ke arah perkongsian ideologi, sebaliknya dillakukan atas dasar saling menghormati parti masing-masing.

"Parti mereka (Parti Komunis Vietnam) telah berjaya menjadikan republik itu sebagai negara yang maju dengan menarik yang begitu besar, dan mereka berhasrat untuk menjadikan Vietnam sebuah negara maju menjelang tahun 2045," katanya.

Terdahulu, pertemuan yang berlangsung hampir sejam itu turut dihadiri beberapa pemimpin UMNO termasuk Ahli Majlis Tertinggi UMNO merangkap Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Setiausaha Agung UMNO merangkap Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Lam, yang ditemani isteri Ngo Phuong Ly dan delegasi tiba di Malaysia semalam untuk lawatan kerja selama tiga.

Ini merupakan lawatan pertama Lam ke Malaysia sejak dipilih sebagai Ketua Parti Komunis Vietnam pada Ogos tahun ini.

Kali terakhir Malaysia menerima kunjungan Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam adalah pada Mac 1994, setahun sebelum penyertaan rasmi Vietnam dalam ASEAN.

-- BERNAMA

# BERNAMA

24 NOVEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | 2TM: 'SIMULATOR KIMPALAN' JADI TUMPUAN, BELIA TEROKA KERJAYA DALAM TVET

## 2TM: 'Simulator Kimpalan' Jadi Tumpuan, Belia Teroka Kerjaya Dalam TVET

🕒 24/11/2024 02:46 PM



Pengunjung menggunakan alat simulator kimpalan ketika mengunjungi reruai Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sempena Program Dua Tahun Kerajaan MADANI di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) hari ini.

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Pada hari terakhir Program Dua Tahun Kerajaan MADANI (2TM) di sini, orang ramai berpeluang merasai pengalaman sebagai 'jurukimpal' ketika mencuba simulasi kimpalan yang disediakan di reruai Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Simulator kimpalan yang menjadi tumpuan pengunjung ini merupakan satu daripada aktiviti menarik dalam program tiga hari yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur bermula Jumaat lepas.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Tenaga Manusia, Rostam Hamzan berkata aktiviti ini bertujuan memberi pengunjung peluang merasai pengalaman dunia pekerjaan sebagai jurukimpal atau 'welder'.

"Simulasi ini meniru sepenuhnya proses kerja kimpalan, termasuk penggunaan uniform yang sesuai. Namun, ia menggunakan teknologi tanpa bahan api dan tidak membahayakan.

"Pengunjung boleh menilai hasil kerja kimpalan mereka sama ada ia berjaya atau tidak, sekali gus meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pekerjaan ini," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata masyarakat perlu diberi kesedaran bahawa pekerjaan dalam bidang kemahiran menawarkan peluang besar selain berpotensi menjana pendapatan lumayan.

Selain aktiviti simulator kimpalan, pihaknya juga memberi peluang kepada belia untuk membuat permohonan ke Institut Kemahiran di bawah KESUMA.

"Di reruai kami juga menyediakan perkhidmatan 'reskilling dan upskilling' untuk pekerja. Ibu bapa turut hadir untuk memahami laluan potensi pendidikan yang boleh diambil anak-anak mereka.

“Di reruai kami juga menyediakan perkhidmatan ‘reskilling dan upskilling’ untuk pekerja. Ibu bapa turut hadir untuk memahami laluan potensi pendidikan yang boleh diambil anak-anak mereka.

“Sambutan 2TM memang menakjubkn, dengan pengunjung bukan sahaja berkunjung ke reruai KESUMA, tetapi seluruh reruai kerajaan,” katanya menambah, aktiviti lain di reruai itu adalah aktiviti *augmented reality* (AR) dan pencetakan tiga dimensi.

Seorang pengunjung dari Setapak, Amir Syafuan Hamzah, 19 berkata beliau teruja mencuba simulasi kimpalan selain didedahkan dengan kelebihan mengambil bidang TVET.

“Bidang kimpalan ini menarik dan saya difahamkan ia mampu menjana peluang pendapatan yang tinggi. TVET sebenarnya buka ruang besar untuk belia,” katanya.

Sazali Ismail, 44, dari Shah Alam pula berkata TVET kini tidak boleh dipandang rendah kerana ia menjanjikan peluang kerjaya di peringkat tinggi.

“Ada yang bekerja sebagai jurukimpal dan memperoleh gaji yang tinggi. Oleh itu, informasi yang diperoleh di reruai KESUMA ini membantu belia buat pilihan kerjaya dan pendidikan mereka,” katanya.

-- BERNAMA

# METRO

25 NOVEMBER 2024

MY METRO | KERJASAMA PENDIDIKAN MALAYSIA-KOREA SELATAN, TUMPU BIDANG TVET

## Kerjasama pendidikan Malaysia-Korea Selatan, tumpu bidang TVET

Syarifah Dayana Syed Bakri  
dayana@mediaprima.com.my



FOTO HIASAN. FOTO SAIRIEN NAFIS

Seoul: Malaysia dan Korea Selatan bersetuju untuk meningkatkan kerjasama pendidikan dalam kedua-dua sektor awam dan swasta khususnya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Wisma Putra dalam kenyataan hari ini berkata, terdapat lebih daripada 5,000 rakyat Malaysia belajar di Korea Selatan dalam empat dekad yang lalu dan Pusat Pendidikan Korea di Kuala Lumpur dibuka di bawah seliaan terus Korea Selatan pada 2020.

"Kedua-dua pihak menyatakan hasrat mereka untuk melihat pertukaran pelajar berterusan dan ahli akademik serta pertukaran bahasa dan budaya termasuk melalui King Sejong Institute.

"Kedua-dua pihak juga memutuskan untuk bekerjasama memupuk pendidikan TVET membabitkan pelbagai peserta termasuk kerajaan pusat dan tempatan, institusi TVET dan syarikat," katanya.

Menurut Wisma Putra, kedua-dua negara mengumumkan kerjasama strategik melalui Kenyataan Bersama yang merangkumi empat bidang iaitu Keamanan dan Keselamatan; Ekonomi; Budaya, Pendidikan dan Pelancongan serta Global dan Serantau.

Katanya, kedua-dua negara turut mengalu-alukan peningkatan ketara dalam bilangan pelawat antara dua negara, berbanding ketika wabak Covid-19 berada di kemuncaknya.

"Kedua-dua negara bersetuju untuk meneruskan meningkatkan pertukaran rakyat dengan rakyat dan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pelancongan, yang akan mendalami pelancongan dua hala dan memudahkan lagi pergerakan rakyat antara Korea Selatan dan Malaysia.

"Kedua-dua pihak percaya bahawa pelancongan boleh dipermudahkan lagi dengan mengukuhkan usaha bersama dalam fungsi konsular dan meningkatkan kerjasama dalam perkara berkaitan konsular," katanya.

Wisma Putra berkata, selain bidang pendidikan dan pelancongan, kedua-dua pihak juga bersetuju bekerjasama dengan lebih erat berkaitan kerajaan digital melalui perkongsian pengetahuan, aktiviti pembinaan kapasiti bersama, dan perundingan.

"Menyedari pelancaran Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia pada Februari 2021, kedua-dua pihak ber-setuju untuk meneroka cara mengukuhkan kerjasama dalam bidang seperti dasar Teknologi Maklumat, 5G, kecerdasan buatan (AI) dan data raya yang ditandatangani oleh kedua-dua negara pada November 2019," katanya.

Katanya, kedua-dua negara juga mengiktiraf perkongsian ekonomi yang dinamik dan saling menguntungkan memandangkan Korea Selatan adalah antara sumber pelaburan asing terbesar di Malaysia.

"Kedua-dua pihak mengesahkan komitmen untuk terus menggalakkan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan selaras dengan prinsip persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG), serta pertukaran teknologi antara Korea Selatan dan perniagaan Malaysia dengan tumpuan khusus mengenai teknologi revolusi industri keempat, ekonomi digital, ekosistem halal serta agenda hijau," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika ini sedang dalam lawatan rasmi ke Korea Selatan dari 24 hingga 26 November 2024.

Disiarkan pada: November 25, 2024 @ 2:05pm

# BERNAMA

25 NOVEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | MOTAC PERLUAS ASPIRASI GENERASI PENDIDIKAN TVET, PASTIKAN TENAGA KERJA TEMPATAN DIPENUHI

## MOTAC Perluas Aspirasi Generasi Pendidikan TVET, Pastikan Tenaga Kerja Tempatan Dipenuhi

🕒 25/11/2024 06:56 PM



Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Khairul Firdaus Akhbar Khan (tengah) mencanting batik semasa membuat lawatan ke reruai pameran pada Program Aspirasi Generasi TVET Dalam Sektor Pelancongan dengan kerjasama MSU Talent SYNC Expo 2024 di Management Science University (MSU) Shah Alam hari ini.

SHAH ALAM, 25 Nov (Bernama) -- Kerajaan bercadang memperluaskan Program Aspirasi Generasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Sektor Pelancongan bagi membuka peluang kepada lebih ramai graduan tempatan menceburi industri berkenaan.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Khairul Firdaus Akbar Khan berkata inisiatif yang dilakukan dengan kerjasama institusi pendidikan tinggi itu juga bertujuan menangani kekurangan tenaga kerja mahir bagi menerajui sektor pelancongan negara khususnya dalam lima subsektor iaitu pemandu pelancong, hotel, spa dan premis kesejahteraan dan urutan (PKU), golf serta taman tema.

"Kita berikan satu pendekatan paling utama kepada para pelajar iaitu tentang keunikan dan peluang yang ada dalam sektor pelancongan di bawah lima subsektor. Bagi memastikan pelajar mendapat pekerjaan, kita lakukan 'pemadanan pekerjaan' supaya mereka tahu di mana mereka nak mendarat.

"Selama ini kita juga mendapat maklumat daripada pemain industri tentang kesukaran untuk mendapatkan tenaga kerja mahir, dan ini adalah satu langkah jangka pendek dan tengah supaya permintaan pihak industri kita dapat dipenuhi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Aspirasi Generasi TVET Sektor Pelancongan dengan Kerjasama Management and Science University (MSU) Talent Sync Expo 2024 di sini hari ini.

Khairul Firdaus turut menyeru para belia supaya sentiasa mempelajari kemahiran baharu dan mengasah bakat dalam bidang yang diminati, serta meletakkan keyakinan bahawa bidang kemahiran juga adalah kunci kejayaan dalam pasaran kerja yang kompetitif pada masa kini.

-- BERNAMA